

Kerajaan campuran BN-Berjasa diumumkan Khamis — Mahathir

KUALA LUMPUR, Ahad — Kerajaan campuran Barisan Nasional-Berjasa di Kelantan akan diumumkan Khamis ini, demikian kata Timbalan Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad, hari ini.

Ketika ditemui petang ini, Dr. Mahathir enggan membayangkan bentuk kerajaan baru itu, walau pun katanya pucuk pimpinan UMNO telah mencapai persetujuan mengenai komposisinya.

"Cadangan UMNO mengenai bentuk kerajaan campuran itu akan dikemukakan kepada pucuk pimpinan Berjasa dalam sehari dua ini untuk pertimbangan," jelasnya.

Kata Dr. Mahathir, beliau enggan membayangkan bentuk kerajaan campuran itu kepada akhbar kerana "jika rundingan diadakan melalui akhbar, ia akan hanya menyulitkan keadaan."

"Tunggulah hingga Khamis nanti, pengerusi Barisan Nasional Kelantan, Tengku Razaleigh Hamzah akan membuat pengumuman mengenainya," tambah beliau.

Rundingan di kalangan pucuk pimpinan UMNO mengenai bentuk kerajaan itu diadakan hari ini di sini. Hadir sama dalam rundingan itu ialah Perdana Menteri Datuk Hussein Onn, Tengku Razaleigh Hamzah, Tengku Ahmad Rithaudeen, bakal Menteri Besar Kelantan, Datuk Haji Mohamed Yaakub dan Dato Seri Dr. Mahathir sendiri.

Ditanya adakah kemungkinan bentuk kerajaan campuran itu nanti menyerupai bentuk bekas kerajaan PAS-UMNO masa lalu, iaitu Berjasa mendapat minoriti kerusi exco, Dr. Mahathir menjelaskan:

"Dulu lain dan keadaan sekarang lain. Dulu kita dengan PAS, tapi sekarang dengan Berjasa."